

Kuala Terengganu: “Saya masuk universiti untuk menimba ilmu demi masa depan, bukannya mengejar anugerah dan apabila diumumkan sebagai pemenang Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa, saya terkejut kerana tidak pernah terfikir menerima penghormatan setinggi ini.

“Penghormatan ini bukan untuk saya seorang, tetapi ia untuk semua, khususnya bapa, Ibrahim Ghaffar, 64, dan ibu, Gayah Ismail, 57, serta seluruh warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),” kata Ju Ariana Ibrahim, 23, penerima Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa 2013.

Pelajar tahun tiga Sarjana Muda Pengajian Sains Bioteknologi Pertanian itu berbuka, ketika menghantar borang pencalonan pada November 2013, dia tidak terfikir dipilih sebagai pemenang kerana menyedari calon lain memiliki kelebihan masing-masing.

“Ibu dan bapa selalu berpesan supaya melakukan yang terbaik, selebihnya berserah kepada Allah.

“Syukur apabila daripada 45 calon yang bertanding merebut 19 kategori, saya tersenarai dalam lima penyertaan terbaik untuk bertanding kategori utama iaitu Anugerah Menteri Pendidikan

‘Tak kejar anugerah’



IDRIS (dua dari kiri) bersama Muhammad Fikri (dua dari kanan) dan Naib Canselor UMT Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo (kiri) pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2013 di Kuala Terengganu.

kan yang dimenangi Muhammad Fikri Ahmad dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),” katanya selepas Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2013 di Taman Tamadun Islam, di sini.

Ju Ariana dari Klang, Selangor berkata, dia menerima anugerah berkenaan kerana pemilihan pemenang dibuat tersenarai dalam lima penyertaan terbaik untuk bertanding kategori utama iaitu Anugerah Menteri Pendidikan

Sementara itu, Menteri

Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kementerian akan meluaskan skop penyertaan kepada institusi pengajian tinggi swasta, Kolej Komuniti, Politeknik dan IPG yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun depan.

Katanya, Anugerah Tokoh Siswa 2013 anjuran bersama Kementerian Pendidikan dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu adalah program pertama dianjurkan kementerian melahirkan lebih

ramai pelajar hebat dan cemerlang dalam semua aspek.

“Ini usaha kementerian mengiktiraf pelajar hebat dalam akademik, kurikulum, kepimpinan dan kesukarelawan supaya menjadi ikon kepada pelajar lain.

“Sebab itu kita adakan anugerah ini sebagai pengiktirafan kepada mereka yang cemerlang,” katanya yang turut menyampaikan hadiah kepada semua pemenang.

Senarai penerima anugerah

Kategori Utama

- Anugerah Menteri Pendidikan - Muhammad Fikri Ahmad (UIAM)

Kategori Pemimpin

- Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa - Ju Ariana Ibrahim (UniSZA)
- Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik - Mohd Faizal Shaifuldin (UKM)
- Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik - Khuzaini Norman (UTM)
- Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik - Mohd Hafez Mohd Khalid (UPM)
- Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik - Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin
- Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik - Ahmad Zharif Arbi - (UPM)
- Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Terbaik - Norain Adnan (UM)
- Anugerah Pemimpin Kelab/Persatuan Terbaik - Arrharatnasari Kachong Ma'arof (USIM)
- Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik (Terbuka) - Mohd Syahezan Abu Hashim (UTM)
- Anugerah Pemimpin Harapan - Ju Ariana Ibrahim (Unisza)

Kategori Kesukarelawanan

- Anugerah Tokoh Sukarelawan Siswa - Muhammad Fikri Ahmad (UIAM)
- Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia Terbaik - Muhammad Nailijazli Mohd Jamsari (UMT)
- Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Terbaik - Ainnus Syaqinah Sajali (UPSI)
- Anugerah Pemimpin Program Sukarelawan Terbaik - Muhammad Fikri Ahmad (UIAM)
- Anugerah Sukarelawan Harapan - Nurul Jannah Ahmad Ghulamuddin (UKM)
- Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik - Mohd Fakhru Azizi Tomim (UKM)
- Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik - Nordalilah Abd Wahab (UM)
- Anugerah Pasukan Sukarelawanan Terbaik - Sekretariat Anak Johor (SOHOR) UMT. Nama Program: Jelajah Johor Fasa III Mahasiswa Cakna Masyarakat Luar Bandar